

## **SYAIR SUKA DUKA DALAM PELAYARAN KE MEKAH: SATU ANALISIS PENGKAEDAHAN KEAGAMAAN**

*NUR SYAZWANI BEDEROHISAM*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
[syazwanibederohisam@gmail.com](mailto:syazwanibederohisam@gmail.com)

*ZUBIR IDRIS \**  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
[zidris@ukm.edu.my](mailto:zidris@ukm.edu.my)

*\*Corresponding Author*

### **ABSTRAK**

Artikel ini mengajukan perbincangan tentang syair berunsur Islam, yang menjadi wadah pengarang dalam menyampaikan dakwah kepada khalayak pembaca. Dengan menggunakan naskhah *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah* sebagai data perbincangan, penulisan artikel ini menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang. Artikel ini memfokuskan kepada Teori Pengkaedahan Keagamaan, dengan penjurusan kepada Pendekatan Dakwah yang terdapat di dalam pecahannya, untuk meneliti nilai-nilai Islam yang terdapat dalam naskhah syair. Pendekatan ini berfungsi untuk melihat sastera sebagai wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan atau ketaatan seseorang insan kepada Allah. Dapatkan kajian memperlihatkan bagaimana naskhah syair ini dapat berperanan sebagai wadah untuk meningkatkan “kehambaan”, keimanan, ketakwaan dan ketaatan seseorang hamba kepada Pencipta-Nya. Hal ini dapat dilihat berdasarkan pengisian syair berunsur dakwah yang diterapkan pengarang seperti mengagungkan sifat-sifat Allah, menyeru umat manusia kepada amar makruf dan nahi mungkar, menekankan kebesaran doa selain memperlihatkan keindahan Baitullah. Nilai-nilai dakwah yang terkandung di dalam *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah* ini secara langsung menyerlahkan hasrat pengarang menyebarkan dakwah dan fahaman tentang Islam kepada khalayak pembaca, dan sekaligus menggambarkan keagungan Allah serta kebesaran Islam. ..

**Kata Kunci:** Nilai Islam; pengkaedahan keagamaan; pendekatan dakwah; takwa; Teori pengkaedahan Melayu.

**SYAIR SUKA DUKA DALAM PELAYARAN KE MEKAH: AN ANALYSIS  
BASED ON THE APPROACH OF RELIGIOSITY**

**ABSTRACT**

This article discusses an Islamically-oriented poem that the author uses as a vehicle to convey *da'wah* or the call to Islam. Using *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah* as data, and Hashim Awang's *Teori Pengkaedahan Melayu* as its analytical tool, the article focuses on the theory's sub-division of religiosity, in particular its approach to *da'wah*, in order to scrutinise Islamic values in the poem. This approach sees literature as a means to enhance piety and religious devotion to Allah, God the Almighty. The findings show that the poem is able to serve the function of heightening a servant's submission to God, his piety and his faithfulness. This fact is seen in the *da'wah*-infused content such as glorifying Allah's attributes, encouraging that which is good and hindering that which is bad, extolling the virtues of supplication and demonstrating the beauty of the *Baitullah* or the House of God. This value-laden content serves to show the author's intention to convey *da'wah* and a true understanding of Islam to the reading public, at the same time as it venerate Allah, God Almighty.

**Keywords:** Islamic values; religiosity approach; *da'wah approach*; religious piety; Malay literary methodology

**PENGENALAN**

Islam bertapak di Tanah Melayu dengan membawa sinar yang baharu. Kedatangan agama Islam ini secara tidak langsung membawa perubahan terhadap cara hidup serta kepercayaan masyarakat Melayu yang dahulunya berpegang kepada animisme (kepercayaan kepada semangat ruh) kepada kepercayaan terhadap Tuhan yang satu iaitu bersifat tunggal. Pengaruh kepercayaan ini dapat dilihat dalam penghasilan karya-karya kesusasteraan Melayu Islam muhu pun kesusasteraan Melayu berunsur Islam. Dalam konteks masa kini, kebanyakan kajian-kajian dan kritikan sastera yang dilakukan terhadap hasil karya sastera Melayu hanya menggunakan teori-teori Barat. Kadangkala ianya tidak sesuai digunakan memandangkan karya-karya sastera Melayu tersebut hanya akan dilihat menurut perspektif Barat. Berhubung perkara ini, Hashim Awang iaitu seorang sarjana dan pengkritik terkenal tanah air dari Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya telah memperkenalkan Teori Pengkaedahan Melayu dalam seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu 1 di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 29 Oktober hingga 1 November 1989 untuk menutup kelompongan terhadap teori bersifat tempatan.

Menurut Hashim Awang (2004) di dalam Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu II pada 26 hingga 28 Februari di Universiti Pendidikan Sultan Idris, "Teori Pengkaedahan Melayu termasuk ke dalam golongan teori yang dikenali sebagai *grounded theory* atau teori beralas atau berlandas yang berbentuk dari hasil penyelidikan bersifat kualitatif, di dalamnya terbangun rumusan atau formula yang berapa prinsip-prinsip umum tentang karya atau teks sastera dan amalan-amalan yang berkaitan dengan kesusasteraan Melayu". Menurut tokoh kesusasteraan Melayu ini, kesusasteraan Melayu yang dihasilkan selepas kedatangan Islam lebih memfokuskan kepada tiga teras utama yang bersifat kemelayuan dan keislaman. Ketiga-tiga mauduk teori ini dapat disebutkan sebagai teras

kebijikan, teras ketakwaan dan teras ketatasusilaan. Dalam pada masa yang sama, elemen ini mendasari penghasilan karya kesusasteraan Melayu yang bersandarkan sepenuhnya kepada nilai atau ethos dan akidah agama Islam, sesuai dengan anutan pengarang dalam masyarakat Melayu.


Teras kebijikan dilihat sebagai teras utama yang mendasari kesusasteraan Melayu kerana setiap karya yang dihasilkan oleh pengarang mempunyai unsur didaktik yang mengandungi persoalan tentang kepentingan melakukan kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran, amar makruf nahi munkar. Teras kebijikan ini secara tidak langsung memberi penjelasan tentang tanggungjawab penghasilan sesebuah karya itu sebagai sebuah karya yang boleh dimanfaatkan kepada masyarakat.

Teras ketakwaan pula dilihat sebagai pelengkap kepada teras yang pertama kerana teras kebijikan bukan sahaja membawa konsep amar makruf nahi munkar sebagai amalan masyarakat membentuk kasih sayang dan keharmonian tetapi turut mewujudkan rasa pengabdian manusia kepada Tuhan. Teras ketakwaan ini merupakan pengukuhan agama Islam yang menerapkan unsur takwa dan akidah yang disebarluaskan melalui penulisan karya kesusasteraan masyarakatnya. Karya-karya tersebut banyak menjelaskan gambaran dan penjelasan tentang sifat-sifat kesempurnaan dan ketinggian Allah, dan juga kemurnian dan keagungan agama Islam itu sendiri.

Teras ketatasusilaan pula adalah ke arah menyempurnakan sifat orang Melayu yang diisi dengan adab dan sopan santun dalam kehidupan mereka sehari-hari. Setiap amalan yang dilakukan mempunyai aturan dan tertib sebagai ekspresi keindahan dan estika yang telah dipupuk dalam budaya masyarakat Melayu. Islam turut menuntut umatnya agar berdisiplin dan tertib mengikut aturan-aturan dan hukum-hakam yang sedia ada.

## PENGKAEDAHAN MELAYU

Teori Pengkaedahan Melayu ini berpaksikan kepada dua teori iaitu Teori Pengkaedahan Alamiah dan Teori Pengkaedahan Keagamaan. Teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang ini memaparkan realiti hidup masyarakat Melayu termasuklah kepada sifat-sifat kesusasteraan yang dihasilkan oleh masyarakat sezaman berserta anutan masyarakat Melayu. Ia merangkumi kebudayaan seperti nilai, alam sekitar dan tradisi. Pembahagian teori Pengkaedahan Melayu dapat dilihat seperti Rajah 1 berikut:



RAJAH1: Pembahagian Teori Pengkaedahan Melayu

Melalui teori ini, terdapat dua cabang yang diketengahkan oleh Hashim Awang, iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Pengkaedahan Alamiah merujuk secara langsung kepada faktor alam yang menjadi latar kehidupan masyarakat Melayu. Keadaan ini memperlihatkan budaya dan persekitaran pengkarya sebagai penentu yang mempengaruhi pengkarya menghasilkan teks.

Pengkaedahan Keagamaan pula melihat agama Islam yang sinonim dengan agama masyarakat Melayu sebagai teras yang menunjangi kepengkaryaan. Pengkarya seringkali menghasilkan karya sebagai satu pendekatan dakwah. Sastera turut dijadikan bentuk komunikasi, wadah atau “kitab” untuk manusia mengenali lebih dekat, khusuk akan sifat dan diri Tuhan sehingga menimbulkan peningkatan rasa kecintaan dan kehormatan yang lebih besar dan suci terhadap-Nya. Dalam uslub atau kaedah dakwah ini, pengkarya Melayu tidak memisahkan dirinya sebagai hamba dan khalifah Allah yang diamanatkan untuk mendaulatkan dan meninggikan syariat Islam di muka bumi ini. Dua sumber yang melandasi keimanan seseorang Islam seperti Al-Quran dan Hadis ditambah dengan kehadiran kisah sejarah serta keindahan bahasa menjadi sumber penghasilan karya sastera; yang selanjutnya diserikan lagi kemurnian budaya Melayu bagi menuju objektif dan memunculkan makna teks yang hakiki.

## KONSEP DAKWAH

Dakwah merupakan istilah yang khusus dalam Islam. Secara umumnya, dakwah dapat dicerakinkan kepada dua makna iaitu seruan dan ajakan. Kedua-dua maksud ini dapat didefinisikan sebagai segala tindakan, perbuatan dan pertuturan bagi menarik minat manusia kepada seruan Islam. Dalam bahasa Melayu, dakwah turut dimaknakan sebagai suatu usaha berupa perkataan atau perbuatan untuk menarik manusia ke suatu aliran atau agama tertentu. Berbicara dari perspektif bahasa, perkataan dakwah berasal daripada istilah Arab iaitu “dakwah” yang merujuk kepada perbuatan mengajak, menyeru, menjemput, memanggil kepada sesuatu kebaikan. Dakwah ini merupakan satu kewajipan iaitu menjadi suatu kemestian dan tanggungjawab ke atas setiap umat manusia beragama Islam yang mempunyai

kemampuan untuk mengalasnya pada setiap bentuk dan kesempatan. Tanggungjawab ini tidak lain menuju maksud untuk mendekatkan diri kepada Allah dan menjadi khalifah yang dapat memakmurkan bumi sesuai dengan peranan seseorang manusia yang diciptakan oleh pencipta sebagai khalifah.

Tugas dakwah sebenarnya bermula kepada Rasul dan perintah ini diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW yang menjadi jurudakwah pertama semenjak agama Islam diturunkan. Perkara ini ada dinyatakan dalam firman Allah seperti “Dan tidaklah Kami (Allah) mengutuskan engkau (Muhammad) melainkan hanya sebagai pembawa khabar gembira dan peringatan” (Surah al-Furqan: 56).

Menurut Rohidzir Rais (2011: x), Muhammad Bin Abdullah adalah manusia biasa yang diberikan tanggungjawab luar biasa. Sebagai perantara atau rasul di antara Tuhan kepada hamba-hamba-Nya, Rasulullah perlu menyampaikan semua peringatan, pesanan dan arahan Allah kepada umatnya. Rasulullah sudah tentunya perlu melibatkan diri di tengah masyarakat dan menunjukkan teladan yang baik kepada umat manusia. Inilah yang dinamakan dakwah yang disampaikan dan disebarluaskan oleh Rasulullah. Terdapat banyak perintah dan firman Allah yang ditujukan kepada Rasulullah supaya melaksanakan tugas tersebut secara berkesinambungan. Hal ini dapat dilihat seperti Firman Allah yang bermaksud “Dan serulah (wahai Muhammad) umat manusia kepada agama Tuhanmu, kerana sesungguhnya engkau adalah berada di atas jalan yang lurus” (Surah Al-Haj:67)

Sebagai umat Nabi Muhammad SAW, setiap apa yang disampaikan kepada umatnya adalah perkara sunnah dan perlu diteruskan bagi melestarikan perintah atau wahyu Allah kepada umat manusia seluruhnya. Sebenarnya, peranan atau seruan berdakwah tidak tertumpu kepada Nabi Muhammad sahaja malah setiap anak Adam ada digalaskan tanggungjawab untuk berdakwah yakni menyebarkan agama Islam. Dalam hal ini, ulama Islam turut terlibat dalam memberikan makna dan pengertian yang tersendiri terhadap konsep mahupun istilah dakwah yang lebih universal. Antaranya, Ibn Taimiyah yang mendefinisikan dakwah kepada Allah ialah seruan manusia untuk beriman dengan Allah serta beriman dengan apa yang telah dibawa oleh para Rasul-Nya, dengan membenarkan apa yang telah diberitakan dan disampaikan oleh mereka dan taat kepada perintah mereka.

(Dipetik oleh Muhammad Ahmar Ar-Rasyid, 2000:104)

Pada tiap-tiap anak Adam iaitu seseorang muslim itu ada diletakkan tanggungjawab untuk berdakwah iaitu menyebarkan agama Allah. Setiap muslim itu harus menggiatkan diri dan bersemangat untuk bersama-sama, tolong-menolong dan terlibat aktif dalam menjalankan dakwah seperti menyeru penguasa yang zalim untuk bersegera terikat dengan syariah (Fitri Haris, 2018:9). Hal ini juga terdapat dalam firman Allah memerintahkan orang-orang yang beriman agar berdakwah yang bermaksud, “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang makruf (baik), serta melarang daripada segala mungkar/salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat demikian ialah orang yang berjaya (Surah Ali Imran: 104).

Dakwah secara umumnya menuju makna memohon, menyeru serta meminta dan sering disebut tanpa istilah doa. Ab. Aziz Mohd Zin (2003:5) mendefinisikan dakwah dari aspek bahasa ialah meminta tolong, beribadat, menjemput, mengajak, memanggil, menyeru dan menolong. Senada dengan definisi oleh Ab. Aziz Mohd Zin, Teuku Iskandar (2007:7) mendefinisikan dakwah sebagai kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima suatu kepercayaan.

Menurut Ali Imran (2005:66), dakwah merujuk kepada kegiatan yang bersifat menyeru, mengajak dan memanggil orang untuk beriman dan taat kepada Allah SWT sesuai dengan garis akidah, syariat, dan akhlak Islam. Pengertian dakwah yang ditekankan oleh Ali Imran adalah tidak hanya tertakluk kepada perbuatan berupa ajakan, seruan, panggilan sahaja malah dakwah bertindak sebagai anjakan motivasi kepada umat manusia untuk beriman yang mampu meningkatkan keimanan kepada Allah SWT dengan tidak meninggalkan syariat Islam dalam kehidupannya.

Menurut Wan Hussien (1984:66), dakwah difahami sebagai satu usaha merangsang manusia kepada jalan kebaikan dan melarang dari melaksanakan kemungkinan. Ia juga merujuk kepada tindakan yang mampu menyelamatkan manusia daripada kesesatan dan mengingatkan mereka supaya menjauhi perkara-perkara yang boleh mengakibatkan mereka mendapat azab daripada Allah.

Ab. Aziz Mohd Zin (1997:45) pula dalam bukunya *Pengantar Dakwah Islamiah*, memetik pandangan tokoh Ra'uf Shalabi berkenaan pengertian dakwah. Dakwah Islamiah diertikan sebagai satu gerakan membawa atau mengubah masyarakat daripada keadaan kekufuran kepada keadaan keimanan, daripada keadaan kegelapan kepada keadaan cahaya dan daripada keadaan sempit kepada keadaan lapang di dunia dan di akhirat.

Ali Abdul Halim Mahmud (1999:22) memerihalkan pengertian dakwah “ilallah” yang merujuk kepada seseorang individu iaitu umat manusia untuk berdakwah agar manusia beriman kepada Allah, risalah yang dibawa para nabi dan rasul, taat kepada segala yang diperintahkan, berhenti total dari semua yang dilarang dan membenarkan seluruh perkataan utusan Allah tersebut. Abu Bakar Zakariah (2011:195) pula mengertikan dakwah sebagai rumusan sebagai usaha para pendakwah dan orang-orang yang memiliki pengertian tentang agama Islam untuk memberikan pengajaran kepada khalayak umum mengenai hal-hal yang menimbulkan pengertian kepada mereka berkenaan dengan urusan agama dan dunia menurut kemampuannya.

Kesimpulannya, dakwah membawa kepada makna mendekatkan diri manusia kepada Allah melalui cara pengamatan, mempelajari dan seterusnya mempraktikan dalam kehidupan sehari-hari. Dakwah tidak hanya difahami dan dihadam malah perlu diamalkan dalam kehidupan manusia. Dalam konteks ini, dakwah disampaikan dalam pelbagai atau kerencaman bentuk dan cara termasuklah saling nasihat-menasihati dan memberi teguran secara positif. Pendekatan dakwah ini secara tidak langsung berkait rapat dengan norma kehidupan masyarakat yang mempunyai pegangan agama sebagai salah satu cara hidup khususnya agama Islam. Sebagaimana sebuah sistem, pendekatan dakwah menunjangi akhlak manusia untuk terus melaksanakan perintahnya melalui wahyu pertama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad. Pendekatan dakwah yang dibincangkan dalam karya *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah* bertujuan untuk menyampaikan pengetahuan tentang nilai-nilai Islam yang memaparkan permulaan negeri Mekah sehingga kepada Nabi Muhammad. Pengisian yang terkandung dalam syair turut diselitkan dengan potongan-potongan ayat Al-Quran dan hadis yang dapat memancarkan nilai kemurnian, keistimewaan dan keunggulan Islam seperti yang terdapat dalam karya tersebut.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berorientasikan kepada kaedah perpustakaan. Selain berpandukan rujukan terhadap jurnal, buku dan sebagainya, kajian ini menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu dengan tumpuan khusus kepada Pengkaedahan Keagamaan. Pengkaedahan Keagamaan ini melihat pengisian dalam agama Islam sebagai sumber asas kepada gambaran agama yang dianut masyarakat Melayu (agama Islam) sebagai tunjang pengkaryaan. Penggunaan Pengkaedahan Keagamaan terhadap kajian ini adalah untuk meneliti unsur-unsur dakwah yang terdapat dalam naskhah *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah*.

## PERBINCANGAN

*Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah* memperlihatkan unsur penyebaran dakwah kepada masyarakat Melayu yang wujud sezaman itu. Naskhah ini tergolong dalam kategori sastera Islam disebabkan konsep sastera dan keislaman yang menonjol sepanjang penceritaan atau pengisian bagi manuskrip ini. Konsep sastera Islam merujuk kepada hasil atau karya-karya yang menampakkan ciri keislamannya yang tinggi dengan memanifestasikan ciri-ciri dakwah yang membawa kepada kesedaran rohani dan prinsip tauhid serta takwa yang dituntut dalam Islam.

Menurut Mohamed Anwar Omar Din (2004:14), sastera Islam mempunyai ciri-ciri, prinsip, falsafah, pandangan dunia (tasawur) dan matlamat yang khas. Berdasarkan latar belakang sejarah dan prinsip “amar makruf nahi mungkar” itu, maka sastera Islam dapat didefinisikan sebagai ciptaan-ciptaan kreatif yakni sastera dari berbagai-bagai bentuk, gaya dan bahan tanpa mengira kawasan, tempat, rumpun bangsa, etnik dan masa yang responsif secara aktif terhadap Wahyu (iaitu al-Quran dan al-Hadis) dengan tujuan akhirnya yang khusus iaitu menjadikan manusia sebagai hamba Allah yang soleh. Bersesuaian dengan perkara ini, Noraini Mohamad dan Mariam Abdul Majid (2019:225) mengatakan bahawa mesej dakwah boleh disampaikan melalui pelbagai medium, antaranya ialah penggunaan bahasa penulisan, percakapan, tayangan dan sebagainya lagi bagi memenuhi tujuan tersebut.

Dalam naskhah *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah* dapat dilihat pelbagai unsur dakwah diterapkan bagi tujuan penyebaran agama Islam dalam kalangan masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Hal ini demikian kerana, Islam mengharuskan kelestarian dakwah dalam kalangan manusia, agar manusia itu saling ingat-mengingati dan berpesan-pesan kepada kebenaran. Antara unsur dakwah yang diperlihatkan melalui karya ini adalah mengagungkan sifat-sifat Allah, menyeru kepada amar makruf dan nahi mungkar, memperlihatkan kebesaran doa selain memperlihatkan keindahan Baitullah.

### Mengagungkan Sifat-sifat Allah

Naskhah merupakan wadah penyampaian ilmu oleh pengarang. Fungsi pendekatan dakwah adalah metode atau cara yang terdekat digunakan dalam melaksanakan dakwah untuk menarik dan mempengaruhi sasaran supaya menerima ajaran Islam yang disampaikan dan mempraktikkannya. Dalam pada masa yang sama, pendekatan dakwah yang baik mampu mendekatkan masyarakat (pembaca) untuk mengenali Allah dengan lebih dekat dan meyakini keesaan Allah SWT sebagai pembaca. Sesuai dengan konteks penceritaan yang terdapat di dalam *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah*, manuskrip ini memaparkan unsur-unsur Islam yang bertujuan untuk mentarbiah, mendidik dan menarik serta mengenal Islam dengan lebih mendalam. Manusia sebagai Muslim sejati meletakkan Allah sebagai keutamaan, iaitu

perlu mengenali Penciptanya terlebih dahulu. Memetik kata hikmat, “tak kenal maka tak cinta” maka naskhah ini memandu perhatian manusia agar mengenali dan mendekatkan diri Allah dengan lebih dekat. Seperti firman Allah yang bermaksud, “Maka apabila kamu mengingati aku, maka aku akan mengingati kamu. Dan bersyukurlah ke atas Aku dan janganlah kamu menjadi kufur (Surah al-Baqarah: 102).

Potongan khutbah Solat Jumaat pertama Rasulullah “Siapa yang selalu memperbaiki hubungan dirinya dengan Allah, sama ada ketika bersendirian mahu pun di tengah orang ramai, dan dia melakukan semata-mata hanya mengharapkan redha Allah, baginya kejayaan di dunia dan ganjaran pahala setelah mati, iaitu ketika setiap orang mengharapkan balasan atas apa yang dilakukannya. Jika tidak melakukan semua itu, pasti dia berharap agar masanya menjadi lebih panjang. Allah memperingatkan kamu akan seksa-Nya, dan Allah mengasihi hamba-hamba-Nya” (Surah Ali Imran, ayat 30). Petikan khutbah tersebut menjelaskan bahawa orang yang memelihara hubungannya dengan Allah secara terangan atau sembunyi, seseorang mendapat kejayaan di dunia dan ganjaran pahala selepas mati (Rohidzir Rais. 2011:66)

Di dalam naskhah ini, pengarang banyak menyampaikan kebenaran serta keindahan dengan tujuan memperlihatkan keesaan dan “kemahaan” Allah SWT. Perkataan ‘Maha’ ini hanya disandingkan kepada Pencipta, manusia tidak boleh sesekali diberikan perkataan “maha” ini untuk menggambarkan keistimewaan. Keagungan dan kekuasaan Allah dapat dilihat melalui penggunaan kata ganti nama “kami” yang seringkali terdapat pada helaian-helaian Al-Quran. “Kami” merujuk kepada Allah berserta kekuasaan-Nya yang tidak boleh digambarkan ditambah dengan sifat-sifat Allah yang Maha Kuasa.

Melalui naskhah ini, terdapat keagungan dan kekuasaan Allah melalui sifat-sifat Allah seperti rangkap syair berikut:

/Bismillah-ir-rahman-ir-rahim.

(MF. 262 *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah*).

Baris tersebut merupakan doksologi yang kebiasaannya terdapat dalam gaya penulisan manuskrip berunsur Islam yang dikarang oleh masyarakat dahulu. Doksologi naskhah ini dimulakan dengan kata puji-pujian kepada Allah dan rasul dalam bahasa Arab. Maksud petikan bahasa Arab tersebut ialah “Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasisihi”

Berdasarkan maksud yang dijelaskan maka dapat dilihat bahawa sifat Allah yang disampaikan itu ialah Penyayang dan Maha Pemurah. Pemujaan kepada Allah ini merupakan salah satu pendekatan dakwah yang digunakan dalam Islam bagi memperlihatkan kehambaan manusia kepada Penciptanya.

Selain itu, terdapat juga sifat-sifat Allah yang lain disampaikan melalui penceritaan dalam syair ini. Hal ini dapat dilihat melalui rangkap-rangkap syair seperti berikut:

Bismillah itu mula disebut,  
Rahman dan Rahim sifat mengikut,  
Dunia akhirat tiadalah luput,  
Kesenangan itu pada hari terkejut. (r.2)

Alhamdulillah itu puji yang ikhsan,  
Rabbal al-Amin sifatnya Tuhan,

**ISSN 1675-7513**

Selawat akan nabi akhir-ul-zaman,  
Muhammad Amin Habib al-Rahman. (r.3)

Tiga hari berlayar jika dihisab,  
Tinggallah s-k-t-r-a lepaslah azab,  
Selalu masuk ke Babul-al-Mandab,  
Dengan kurnia Malik-al-Wahab. (r.35)

(MF. 262 *Syair Suka Duka dalam Pelayaran ke Mekah.*)

Berdasarkan kepada rangkap-rangkap syair tersebut, dapat dilihat bahawa pengarang telah memperkenalkan kepada pembaca atau masyarakat mengenai sifat-sifat Allah yang amat berkuasa, memiliki banyak sifat yang indah dan mulia serta merupakan satu-satunya Tuhan yang layak disembah. Seseorang hamba Allah yang mengenali Penciptanya dapat meningkatkan ketakwaan manusia kepada Tuhannya. Antara sifat-sifat Allah yang sering diulang dalam *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah* ialah Allah sebagai Tuhan Yang Maha Tinggi, Rahman bermaksud Tuhan Yang Maha Pemurah, Rahim bermaksud Tuhan Yang Maha Pengasih atau Mengasihi dan Rabbal al-Amin bermaksud Tuhan Yang Maha Maha Mulia Lagi Amat Besar, Tuhan Yang Memperkenankan Doa, Tuhan Yang Amat Mengetahui, Tuhan Yang Amat Kuasa dan Tuhan Yang Amat Mengampuni dan Malik al Wahab bermaksud Tuhan Yang Maha Pemberi Kurnia.

Sifat-sifat tersebut memperlihatkan “kemahaan” Allah sebagai Tuhan Yang Satu. Unsur dakwah juga disampaikan pengarang dengan cara memperlihatkan sifat-sifat Allah yang merupakan salah satu kaedah dan cara yang berupaya meningkatkan ketakwaan umat Islam. Usaha pengarang dalam karyanya ini secara tidak langsung dapat meneguhkan hubungan manusia kepada Penciptanya. Berhubung perkara ini, Kamariah Kamarudin (dalam Mohd Shukrey Ahmad dan Kamariah Kamarudin 2018:55), mengatakan hubungan manusia dengan Allah S.W.T dimaksudkan dengan meluruskan hati kepada Allah SWT (hidayah). Hubungan dengan Allah SWT berkait dengan konsep ibadah seperti diperincikan dalam Surah *al-Dhariyat* ayat 56, terjemahnya “*Aku tidak mencipta jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepada Ku*” dan seterusnya dalam Surah *al-Baqarah* ayat 21, Surah *al-An'am* ayat 162 dan Surah *al-Kahfi* ayat 110. Difahami bahawa manusia diciptakan adalah untuk tunduk dan patuh dengan perintah-Nya. Maksud tunduk dan patuh pula merujuk kepada hubungan manusia dengan Allah SWT melalui konsep ibadah seperti solat, puasa, zakat, haji, membaca al-Quran dan berzikir.

Dalam konteks teks syair ini, penekanan yang diberikan oleh pengarang mengenai sifat-sifat Allah merupakan satu bentuk dakwah mengingatkan manusia khususnya para khalayak pembaca syair untuk mendekatkan diri kepada Allah. Manusia yang baik merupakan hamba yang ingin mendekatkan diri dengan Allah dengan melakukan amal ibadah selain amalan-amalan sunat yang lain. Apabila manusia berpegang dan yakin dengan sifat Allah maka akan menimbulkan rasa “hamba” dalam diri manusia itu sendiri. *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah* telah membawa masyarakat mengenali Tuhan dengan mengetahui sifat-sifat-Nya.

### Menyeru kepada Amar Makruf dan Nahi Mungkar

Manusia merupakan makhluk yang diciptakan oleh Allah. Menurut Ahmad Yakob, manusia dijadikan untuk berperanan sebagai khalifah. Perkataan khalifah bererti penyambung, penghubung dan yang diamanahkan untuk menyampaikan atau mengerjakan sesuatu amanah. Perkataan ini juga bermaksud pengganti bahkan disebut khalifah sebagai ketua agama dan raja di sesebuah negeri Islam (2015:71). Di samping itu, menjadi khalifah Allah di muka bumi bermaksud menjadi wakil yang dilantik oleh Allah SWT untuk mentadbir dan menguruskan bumi ini, di samping memakmurkannya supaya menjadi tempat tinggal yang baik untuk didiami oleh seluruh penghuni (Harun Din: 1990: 192).

Para ulama telah mentakrifkan makna khalifah itu sebagai pemerintah yang menegakkan agama Allah. Dalam konteks ini, menjadi khalifah di muka bumi adalah satu kurniaan yang diberikan oleh Allah kepada seseorang yang terpilih yang telah diangkatkan darjah kepadanya. Manusia merupakan khalifah yang dijadikan Allah dan diangkat darjah kemuliaannya bagi mentadbir bumi ini. Hal ini ada disebut dalam firman Allah yang bermaksud, “Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan kamu atas setengah yang lain beberapa darjah, kerana Dia hendak menguji kamu terhadap apa yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksa-Nya, dan Sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Mengasihi” (Surah al-An’am:165).

Khalifah bererti manusia bertanggungjawab kepada Tuhan dan ke atas segala tindakan dalam kehidupan di dunia ini. Perkara sedemikian ada dijelaskan di dalam ayat al-Quran yang lain seperti Surah al-Imran:104 yang memerintahkan manusia untuk melakukan dakwah dan amar makruf nahi mungkar. “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebaikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya”

Menurut Rohidzir Rais, Allah telah mengutuskan para nabi dan rasul-Nya untuk membimbing dan mengajarkan perkara yang berkaitan akidah, takwa dan sebagainya. Hal ini ada dinyatakan untuk menunjukkan para nabi adalah sebagai utusan Allah seperti yang terdapat dalam potongan khutbah solat Jumaat pertama Rasulullah yang bermaksud, “Segala puji bagi Allah, kepada-Nya saya memohon pertolongan, ampunan dan petunjuk. Saya beriman kepada Allah dan tidak kufur kepada-Nya. Saya bersaksi tiada tuhan selain Allah, dan tidak ada sekutu bagi-Nya. Saya juga bersaksi, Muhammad adalah hamba dan utusan Allah. Dia telah mengutusnya dengan petunjuk dan agama yang benar, dengan cahaya dan pelajaran, setelah lama tidak ada rasul yang diutus, ketika sedikitnya ilmu, dan banyaknya kesesatan pada manusia di kala zaman menjelang akhir dan ajal kian dekat” (Rohidzir Rais, 2011:33).

Hujahan beliau tersebut menggambarkan Rasulullah sebagai utusan Allah. Baginda membawa cahaya keimanan dan bentuk keilmuan untuk melandasi manusia daripada kesesatan. Maka, menjadi tugas nabi dan rasul menyampaikan dakwah kepada umat mereka. Jika diamati dengan terperinci kepada makna dakwah itu sendiri ialah mengajak manusia melakukan kebaikan dan meninggalkan apa yang ditegah atau dilarang. Sebagai contoh, terdapat pesanan pengarang dalam *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah* ini yang boleh dijadikan sebagai suri teladan dan pengajaran kepada manusia untuk tidak melanggar apa yang dilarang oleh Allah dan mengerjakan apa yang diperintahkan Allah.

Dalam syair ini ada dinyatakan perihal ketaatan seorang hamba Allah dalam mengerjakan amanah semata-mata ikhlas kerana Allah tanpa mengharapkan balasan mahupun pujian daripada manusia di dunia. Mereka ini adalah terdiri daripada para Nabi,  
**ISSN 1675-7513**

sahabat, isteri Rasulullah dan golongan yang dimuliakan oleh Allah kerana ketaatan yang tinggi kepada Pencipta semasa hidupnya. Hal ini dapat dilihat melalui rangkap syair seperti berikut:

Mempunyai askar wazir hulubalang,  
Gagah berani masyhur terbilang,  
Berperang sabilillah berulang-ulang,  
Sepanjang tahun jarang berselang. (r.1071)

Sahabat nabi semuanya pilihan,  
Kasih setiawan mikraj persuruhan,  
Bukan sebab gaji atau upahan,  
Hanyalah mengikut pesuruh Tuhan. (r.1072)

Khalifah yang kedua Sayyidina Umar,  
Pekerjaan syariat terlalu gemar,  
Zahir adilnya melakukan amar,  
Menyucikan pekerjaan yang cemar-cemar. (r.1075)

Khalifah yang ketiga Sayyidina Uthman,  
Hafiz Quran arif budiman,  
Menghafazkan Quran dengan Quran,  
Jadi menantu nabi akhir zaman. (r. 1076)

(MF. 262 *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah.*)

Berdasarkan rangkap-rangkap syair di atas, dapat dilihat bahawa sahabat nabi Muhammad adalah golongan yang diangkat kemuliaannya di sisi Allah. Golongan ini sentiasa melakukan apa yang telah diperintahkan oleh Allah. Setiap umat manusia yang melakukan perintah-Nya akan mendapat pahala dan tuntutan tersebut sesuai dengan konsep amar makruf. Dalam rangkap *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah*, perkara yang menunjukkan konsep amar makruf ialah perbuatan menegakkan Islam dengan cara berperang di jalan Allah dan meletakkan niat semata-mata kerana Allah. Hal ini dapat dilihat dengan penggunaan perkataan Arab seperti “sabilillah” bererti berperang sabil kerana Allah. Golongan yang berperang di jalan Allah adalah manusia yang berani. Mereka juga dilihat sebagai individu yang akan memerangi musuh Islam untuk menyelamatkan diri, harta dan negara khususnya. Memelihara agama Allah adalah perkara wajib dan menjadi perkara yang amat dituntut dalam syariat. Golongan yang mati ketika di medan perang ini digelar mati syahid iaitu mati yang mendapat keampunan dan jaminan syurga.

Seterusnya, sahabat nabi juga diperlihatkan sebagai manusia yang melakukan amar makruf seperti ikhlas melakukan perintah Allah tanpa mengharapkan balasan. Sayyidina Umar digambarkan sebagai seorang yang adil dalam melakukan perintah Allah dan menjauhi perbutan yang ditegah. Sayyidina Uthman pula digambarkan sebagai manusia yang melakukan amar makruf dengan cara melazimi menghafaz al-Quran. Allah menuntut hamba-Nya membaca al-Quran dan menjanjikan pahala kepada sesiapa yang melihat huruf, membaca apatah lagi menghafalnya. Hal ini menunjukkan perintah yang dilakukan oleh Allah bukan sahaja dapat mendekatkan diri kepada-Nya malah mendatangkan ganjaran pahala kepada sesiapa yang melakukannya.

Selain itu, terdapat juga pesanan yang disampaikan melalui rangkapan syair kepada manusia agar menjauhi larangan Allah dalam mengangkat konsep nahi mungkar. Hal ini dapat dilihat melalui rangkap-rangkap syair seperti berikut:

Murid dan guru kedua jaga,  
Salah iktikad amal derhaka,  
Di negeri akhirat hitamlah muka,  
Karam keduanya ke dalam neraka. (r.1039)

“Ayuhai tuan yang arif budiman,  
Dunia ini sudah akhir zaman,  
Hidup di sini umpama pinjaman,  
Ambil takwa menuruti firman.” (r.1040)

Sekalian sahabat junjungan kita,  
Semuanya adil hendak dikata,  
Jangan dikut hikayat yang dusta,  
Mendengarnya haram kita semata-mata. (r.1064)

(MF. 262 *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah.*)

Berdasarkan rangkap-rangkap syair tersebut, dapat dilihat bahawa umat manusia dituntut untuk meninggalkan perkara yang Allah murkai. Antara perkara yang ditegah ialah seseorang murid ataupun guru hendaklah mempunyai iktikad atau keyakinan semata untuk Allah dan tidak boleh mempunyai iktikad selain daripada Allah. Hal ini demikian kerana, Allah akan memasukkan golongan tersebut ke dalam neraka dan menjadikan muka golongan ini menjadi hitam di Negeri Akhirat. Selain itu, pengarang mengingatkan bahawa jangan terpedaya dengan dunia yang bersifat sementara, manusia juga perlu mengambil takwa mengikut apa yang diperintahkan oleh Allah dan meninggalkan larangan Allah.

Seterusnya, pengarang juga mengingatkan manusia agar meninggalkan perkara yang “syubaah” iaitu perkara yang meragui apatah lagi sesat. Perkataan “dusta” pada kedua akhir rangkap 1064 merujuk kepada hikayat yang bertentangan dengan ajaran atau ilmu Allah. Allah mengharamkan kepada manusia untuk berpegang kepada ilmu yang tidak benar, kerana Islam adalah kebenaran yang hakiki daripada Al-Quran, hadis dan seterusnya ijmak serta ulamak. Keilmuan Islam tidak harus diterjemah dengan akal atau ego manusia semata-mata. Hal ini demikian kerana, manuskip adalah karya daripada manusia, mereka tidak terlepas daripada melakukan kesilapan dan sebagai manusia yang berpegang dengan Al-Quran dan Hadis. Manusia perlu mengimani perkara yang benar dan menyelidiki agar tidak terpesong daripada ajaran dan fahaman Islam yang sebenar.

Seruan amar nahi dan nahi mungkar yang terdapat di dalam *Syair Suka Duka dalam Pelayaran ke Mekah* ini adalah salah satu cara pengarang menyampaikan dakwah melalui penerapan keunggulan Islam dan kebenaran Islam yang terpancar melalui karya.

### Memperlihatkan Kebesaran Doa

Antara cara umat Islam mendekatkan diri dan menyatakan perhambaan diri kepada Tuhannya ialah dengan berdoa. Manusia sebagai hamba Allah SWT perlu memohon pada-Nya kerana doa merupakan salah satu intisari ibadah yang mana merupakan senjata bagi orang-orang

mukmin. Doa merupakan saluran manusia untuk berinteraksi, berbicara, mengadu, bercakap dan memohon kepada Maha Pencipta.

Dalam naskhah *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah*, doa dilihat sebagai satu cara makhluk yang diciptakan oleh Allah untuk berinteraksi dengan-Nya. Iblis yang digambarkan sebagai makhluk yang jahat dan angkuh juga telah dimakbulkan doanya seperti yang diwahyukan di dalam al-Quran, apatah lagi manusia yang memohon keampunan ketika menunaikan haji di Baitullah. Kelaziman pengarang menggalakkan amalan melazimi berdoa di Kaabah menerapkan nilai-nilai Islam di dalam karya. Antara kebesaran doa yang terdapat di dalam naskhah adalah seperti berikut:

Setelah itu sembahyang pun sudah,  
Membaca doa tangan ditadah,  
Memohonkan taufiq berbuat ibadah,  
Umur pun panjang rezeki pun mudah. (r.894)

Keduanya itu sampai di sana kibla[h](t) dihadap,  
Membaca doa tawaduk dan adab,  
Sesalkan dosa ampun diharap,  
Di hadapan nabi doa mustajab. (r. 759)

(MF. 262 *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah.*)

Rangkap-rangkap syair di atas memperlihatkan doa yang diminta oleh golongan manusia yang mengerjakan ibadah haji supaya dipanjangkan umur dan kelapangan rezeki oleh Allah SWT. Doa adalah satu cara komunikasi atau media penghubung antara Rabbul-Izzati (Allah Maha berkuasa) iaitu al-Khaliq (Pencipta) dengan al-Makhluq (yang diciptakan). Doa ini menuntut keikhlasan daripada seorang peminta doa iaitu hamba dengan kerendahan hati yang paling tinggi. Antara kebaikan atau fadilat berada di tempat mustajab doa di Kaabah adalah Allah mengkabulkan permintaan hambanya dengan syarat harus dengan hati yang ikhlas dan sebenar-benar taubat. Sementara itu, sahabat yang diceritakan hidup pada zaman Nabi turut memohon ampun kepada Allah supaya diberi keampunan terhadap dosa-dosa mereka. Allah menerima taubat hamba-Nya selagi nyawa seseorang hamba tidak diambil. Mekah merupakan tempat mustajab doa, keadaan tersebut turut dibantu dengan mukjizat Nabi Muhammad yang dijamin doanya dan dikabulkan permintaan-Nya.

Seterusnya, kebesaran doa yang dihajat oleh Rasulullah. Hal ini dapat dilihat seperti rangkap berikut:

Nabi memegang du(a) belah tangan,  
Kambing yang sak(i)t jadi kesenangan,  
Jadilah gemuk tiada bandingan,  
Labannya cucur tiada bandingan. (r.655)

Ummu Mukbad hairan melihat,  
Kambing yang sak(i)t selalu sihat,  
Susunya kosong jadi a-m-b-a-h-at,  
Hatinya yakin tiadalah syubhat. (r.656)

(MF. 262 *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah.*)

Rangkap-rangkap syair di atas memperlihatkan doa Nabi Muhammad kepada Allah SWT supaya menyembuhkan penyakit yang dihidapi oleh seekor kambing. Rangkap ini menceritakan doa Rasulullah yang diterima dan makbul oleh Allah setelah menyembuhkan penyakit yang dihidapi oleh seekor kambing yang susut tubuh badannya dan lemah. Rasulullah memiliki keikhlasan hati yang tidak boleh ditandingi dengan sesiapa pun yakni umat manusia lain, begitu juga dengan kerendahan hati yang tidak tergambar perinya. Demikianlah keperibadian kekasih Allah yang mempunyai ketawadukan dan darjat yang tinggi sehingga diangkat sebagai Penghulu sekalian Nabi. Allah memakbulkan doa orang-orang yang soleh sebagaimana Nabi Muhammad yang memohon dan meminta pertolongan daripada Allah untuk menyembuhkan sesuatu penyakit. Allah sememangnya Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, hal ini bertepatan dengan asma (nama) mahupun sifat-Nya, al-Syifa iaitu Maha Penyembuh.

Dalam konteks ini, doa adalah luahan seorang hamba kepada Penciptanya. Doa juga dilihat sebagai medium manusia atau makhluk untuk menyatakan sesuatu kepada Tuhan. Maka kebesaran doa ini haruslah diwar-warkan kerana doa merupakan senjata yang paling utuh umat Islam selain untuk menambahkan rasa “kehambaa” dan ketakwaan kepada Allah. Usaha memperbanyak umat Islam dan memberi pengetahuan tentang Islam (penyebaran Islam) kepada masyarakat dahulu telah dilakukan melalui pelbagai kegiatan yang mencerminkan kemurnian, keistimewaan dan keunggulan Islam termasuk dengan menghasilkan manuskrip ini.

Penghasilan manuskrip berunsur Islam ini secara tidak langsung memberi pelbagai kebaikan kepada masyarakat kerana begitu banyak pengajaran dan peringatan yang disampaikan melalui manuskrip ini. Ini menguatkan lagi pendapat Hashim Awang (1994:67) yang mengatakan sastera sebagai wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan, kemurniaan dan keindahan Islam yang menjadi daya tarikan khalayaknya.

Oleh itu, amalan berdoa yang terdapat di dalam *Syair Suka Duka dalam Pelayaran ke Mekah* ini adalah salah satu cara pengarang menyampaikan dakwah melalui kebesaran doa yang dijanjikan Allah selain memperlihatkan keindahan Islam yang terpancar melalui karya.

### **Memperlihatkan Keindahan Baitullah**

Menjejakkan kaki ke Baitullah merupakan perkara yang diidamkan oleh semua umat manusia yang beragama Islam. Menjadi tetamu Allah adalah pilihan daripada Allah. Perkara ini tergolong dalam kategori rezeki yang besar dalam seumur hidup bagi umat manusia sebelum menemui ajal. Individu yang pernah menjejakkan kaki ke Mekah bagi tujuan mengerjakan ibadah haji atau umrah akan dapat merasai sendiri pengalaman yang berharga sepanjang menunaikan ibadah tersebut. Pengalaman tersebut termasuklah gambaran suasana mengujakan, keindahan seni bina dan kesyahduan yang dirasainya sendiri ketika berada di “Baitullah” atau disebut sebagai “Rumah Allah”.

Pengarang juga menyampaikan dakwah dengan memperlihatkan kemurnian, kesucian dan keindahan agama Islam melalui keindahan yang terdapat di rumah ibadah umat Islam. Baitullah digambarkan sangat indah dan megah berdasarkan hasil senibinanya. Terdapat juga senibina yang mengujakan termasuklah mimbar, makam para nabi dan alim ulama, perigi zam-zam, hijir Ismail, penjuru-penjuru Kaabah, pancuran emas, multazam, hajarul aswad, syatharwan, menara dan pintu-pintu Kaabah. Keindahan juga dapat dilihat melalui pembuatan

kain kiswah yang menutupi Kaabah berserta tulisan khat yang menjadi simbol keindahan Islam yang mampu mengujakan jemaah yang hadir. Setiap umat manusia yang pulang daripada mengerjakan haji atau umrah tidak terlepas untuk berkongsi pengalaman mereka terhadap keindahan di Mekah.

Kaabah merupakan tempat perkembangan Islam. Ia merupakan tempat ibadah dan suci bagi umat Islam. Sebanyak lima kali sehari dan lebih kurang 1.5 billion umat Islam dari seluruh dunia pasti akan menghadap kiblat iaitu Kaabah. Kaabah juga merupakan tempat terhimpunnya segala umat manusia yang bergelar Islam dengan pelbagai latar belakang umur, bangsa, jantina mahupun warna kulit. Oleh itu, menjadi pusat ibadah rasmi bagi agama Islam semestinya begitu dijaga kesuciannya termasuklah mempunyai keindahan yang mampu menaikkan imej Islam, menimbulkan rasa kehambaan dalam diri manusia serta mengajak umat manusia untuk merasai sendiri pengalaman menunaikan ibadah di tempat yang dimuliakan oleh Allah.

Antara gambaran keindahan Kaabah yang ditonjolkan oleh pengarang dapat dilihat melalui teks *Syair Suka Duka dalam Pelayaran ke Mekah* seperti berikut:

Jikalau tuan baharu datang,  
Melihat atap pun tercengang,  
Bukan disangka buatan orang,  
Entahnya malaikat empunya tukang. (r. 61)

Dengar olehmu handai dan taulan,  
Kaabah Allah hamba khabarkan,  
Tiada dapat hamba menyatakan,  
Di dalam dunia tiada bandingan. (r.71)

Pintu Kaabah emas bersadur,  
Merah dan kuning rupa bercampur,  
Ditimpa panas cahaya menyembur,  
Mata memandang bagaikan kabur. (r.72)

Di dalam setahun Kaabah terbuka,  
Dua lapan kali sudah terhingga,  
Masuklah tuan mana yang suka,  
Serasa masuk ke dalam syurga. (r.89)

Dengar olehmu handai dan taulan,  
Kahwin di Mekah besar amalan,  
Digantung kandil sepanjang jalan,  
Cahayanya terang gilang-gemilang seperti bulan. (r.332)

Diturunkan Allah tiap-tiap sehari,  
Di dalam Mekah ibu segala negeri,  
Seratus dua puluh rahmat diberi,  
Kelebihan Baitullah itulah peri (r. 583)

(MF. 262 *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah.*)

Berdasarkan rangkap-rangkap syair tersebut, dapat dilihat bahawa Kaabah merupakan suatu tempat idaman buat umat Islam bagi memenuhi tuntutan rukun Islam yang kelima. Kaabah juga diperlihatkan sangat indah. Ia juga menggambarkan betapa indahnya agama Islam. Pengarang menggambarkan bahawa manusia yang memandang kepada binaan atap yang terdapat di sekitar Kaabah sahaja boleh menyebabkan seseorang itu tercengang serta mengibaratkan binaan tersebut seperti bukan buatan orang disebabkan keindahannya. Seterusnya, Kaabah diperlihatkan satu-satunya kawasan yang tidak mempunyai persamaan dengan tempat lain di dunia, sesiapa yang masuk ke dalam Kaabah diibaratkan seolah-olah masuk ke dalam syurga serta keadaan di sekitar Kaabah yang digantung kandil sepanjang jalan tiang begitu terang, indah dan dilaksanakan umpama bulan serta sukar diceritakan disebabkan terlalu mengujakan.

Jika diamati, pengarang memperlihatkan unsur dakwah melalui *Syair Suka Dalam Pelayaran Ke Mekah* dengan memberikan gambaran keindahan Kaabah yang luar biasa. Hal ini sedikit sebanyak menambahkan rasa keinsafan kepada pembaca serta memanggil-manggil pembaca untuk merasanya sendiri pengalaman beribadah di Kaabah. Memandang Kaabah akan dikurniakan pahala, apatah lagi mengerjakan amalan-amalan yang boleh mendekatkan diri kepada Allah semasa berada di Kaabah.

## KESIMPULAN

Kesusasteraan Melayu Islam wajar dijadikan medium untuk menyebarkan ilmu dan dakwah. Kesusasteraan Melayu berunsur Islam berbeza dengan kesusasteraan Melayu berunsur Hindu-Buddha. Kesusasteraan Melayu berunsur Hindu-Buddha hanya mementingkan aspek seni dan khalayak semata-mata manakala kesusasteraan Melayu berunsur Islam lebih menekankan mesej (pengajaran) dan didikan yang ingin disampaikan. Penyebaran dakwah melalui karya kreatif secara tidak langsung memberi ruang kepada masyarakat menghayati dan meneliti unsur-unsur pengajaran yang terdapat di dalam karya dengan menggunakan bahasa yang indah.

Manuskrip *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah* merupakan satu manuskrip Melayu yang berunsur Islam yang mengandungi penceritaan tentang riwayat hidup dan kisah pelayaran ke Mekah untuk menunaikan ibadah haji. Sepanjang pelayaran tersebut, terdapat bentuk-bentuk amalan yang ditekankan dan dilarang semasa mengerjakan ibadah haji tersebut. Penulisan manuskrip dalam kesusasteraan Melayu ini menjadi hal yang sangat penting untuk menyebarkan Islam kepada orang-orang Melayu pada zaman lampau. Pengaruh Islam ini bertapak di Alam Melayu sejak awal abad ke-15 dan mula berkembang pesat pada kira-kira abad ke-16 dan ke-17. Perkembangan didorong oleh faktor setelah Islam dilihat dapat diterima baik dengan jumlah penganut yang tinggi melibatkan Kepulauan Melayu. Justeru itu, keadaan ini memberi sumbangan kepada penghasilan sesebuah manuskrip yang berkisarkan kepada ajaran-ajaran Islam. Pengaruh Islam ini telah banyak mengubah kepercayaan yang selama ini dipegang erat dan kukuh. Kesannya, perubahan ini turut mengubah acuan kepada sastera masyarakat Melayu.

Nilai-nilai dakwah yang terkandung di dalam manuskrip *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah* ini secara langsung membawa niat pengarang untuk menyebarkan dan meluaskan lagi fahaman tentang Islam kepada khalayak pembaca. Fahaman yang menyeluruh masyarakat Islam menyumbang meningkatkan takwa dan pemberian akidah selain mendekatkan diri kepada Allah.

Pendekatan dakwah yang digunakan dan dipadankan untuk mengkaji *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah* ini menunjukkan bahawa sebuah karya memainkan peranan yang amat besar dan paling berpengaruh dalam menyampaikan kebaikan menerusi penulisan yang juga menjadi sumbangan bacaan kepada masyarakat. Naskhah *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah* merupakan sebuah karya yang sarat dengan kebaikan dan nilainya yang tersendiri dan teks ini sewajarnya dibaca oleh setiap lapisan masyarakat kerana isian teks yang padat dengan unsur dakwah dan bertindak sebagai unsur didaktik semestinya berguna kepada umat manusia.

Dakwah melalui karya mempunyai hubungan yang tidak boleh dipisahkan. Penghasilan karya dijadikan alat kepada pengarang karya untuk menyebarkan ajaran Islam atas nama kebaikan sesuai dengan makna dakwah itu sendiri. Pengarang telah memperlihatkan nilai-nilai Islam melalui penulisannya dan diharap berupaya memberi manfaat kepada masyarakat. Dalam pada masa yang sama, isian yang terdapat di dalam syair ini merupakan isian berbentuk pengajaran dalam membentuk jati diri Islam dalam setiap manusia bergelar Muslim.

Secara keseluruhannya, berdasarkan pendekatan yang digunakan dalam menganalisis *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah* terdapat banyak gambaran mengenai keagungan dan kekuasaan Allah yang menjadikan Kaabah sebagai tempat yang mulia, bentuk amalan yang ditegah dan dituntut ketika melakukan ibadah latihan untuk mengenang peristiwa penting dalam sejarah Islam di dalam rukun haji mengikut atas ketetapan Allah sehingga kepada kisah riwayat Nabi Muhammad. Pendekatan dakwah yang diterapkan dalam pengkajian dan analisis naskhah *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah* memperlihatkan kesusasteraan Islam ini membawa unsur dakwah bagi meningkatkan ketakwaan dan mendekatkan diri kepada Allah dengan menerapkan unsur keagungan dan Allah serta kebenaran Islam itu sendiri.

## RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zin. 1997. *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abu Bakar Zakariah. 2011. *Dakwah dan Islam*. Selangor: PTS Islamika.
- Ahmad Yakob. 2015. *Khalifah Kita Pilihan Allah*. Shah Alam: Karangkraf Sdn. Bhd.
- Ardiyanto. 2011. Skripsi Hikayat Nabi: Suntingan Teks dan Analisis Struktur. Sukarta: Universiti Sebelas Maret.
- Harun Din. 1990. *Manusia Islam*. Kuala Lumpur: PTS Sdn. Bhd
- Ali Imran. 2005. *Tafsir Surah Al-Ftihah, Al-Baqarah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Ali Abdul Halim Mahmud. 1999. *Syarah Usul 20 (Al-Imam Hassan Al-Banna: Rukun Faham)*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Ab. Aziz Mohd Zin. 2003. *Pengantar Ilmu Dakwah*. Edisi Ke-3. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Fitri Haris. 2018. *Berjalan Mencari Puncak Taqwa*. Selangor: Wholesale-Mart Business Point.
- Hashim Awang. 1994. “Pengkajian Sastera” Pengaedahan Melayu” dalam Sahlan Mohd. Saman (pnyl). *Pengarang, Teks dan Khalayak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Tulisan itu telah dibentangkan dalam Seminar Kesusasteraan Antarabangsa Kesusasteraan Melayu anjuran UKM pada tahun 1989.

- Hashim Awang. 2004. "Pengkaedahan Melayu Dalam Kajian Dan Kritikan Kesusasteraan Melayu Brunei." Dlm: Persidangan Antarabangsa Melayu II 26 hingga 28 Februari 2004. UPSI.
- Iik Idayanti, Nining Sudiar dan Yuhelmi. 2017. *Citra Perempuan Dalam Naskhah Syair Nabi Allah Ayub (Anonymous)*. Dalam Perspektif Islam: Kajian Semiotik. Fakulti Ilmu Budaya: Universiti Lancang Kuning.
- Kosasih, He. 2016. *Nilai-nilai Moral dalam Karya Sastra Melayu Klasik Islam: Kajian terhadap Hikayat Raja Khaibar, Hikayat Saif Zulyazan serta Hikayat Mariam Zanariah dan Nurdin Masri*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- MF. 262. *Syair Suka Duka dalam Pelayaran ke Mekah*. Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Anwar Omar Din. 2004. *Sastera Islam Citra Nurani Ummah*: Bangi.
- Mohd Shukrey Ahmad dan Kamariah Kamarudin. 2018. Nilai Islam Dalam Komik *Majalah Dewan Pelajar. Jurnal Melayu*, 17 (1), 55.
- Muhammad Ahmar Ar-Rasyid. 2000. *Hambatan-hambatan Dakwah*. Jakarta: Rabbani Press
- Noraini Mohamad Dan Mariam Abdul Majid. 2019. Dakwah Melalui Penulisan Puisi Melayu: Analisis Terhadap Karya Abham T.R. *Jurnal Melayu*, 18 (2), 295.
- Nor Azlina Moohamad. 2005. Hikayat Mazmur: Satu Kajian Teks. Latihan Ilmiah. Jabatan Persuratan Melayu, FSSK: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norhernizal Ghalazali. 2002. *Hikayat Berunsur Islam: Satu Kajian Gambaran Sosial*. Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Nurul Nasuha Mohd Rosle. 2018. Manuskip Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks Dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan. Latihan Ilmiah. Jabatan Persuratan Melayu, FSSK: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohidzir Rais. 2011. *Khutbah Rasulullah Wasiat Agung Buat Umat Tercinta*. Selangor: PTS Islamika.
- Roslina Abu Bakar dan Aone van Engelenhove. 2016. *Hikayat Pelanduk Jenaka*. Surakarta: Universiti Sebelas Maret.
- Teuku Iskandar. 2007. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hussien. 1984. *Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Biodata Penulis:**

**Nur Syazwani Binti Bederohisam** adalah pelajar yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Persuratan Melayu) dari Universiti Kebangsaan Malaysia tahun 2020.

**Zubir Idris (PhD)** adalah Pensyarah Kanan Program Persuratan Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Kesusastraan Melayu Tradisional dengan pengkhususan kajian manuskrip Melayu dan Histogrami Melayu Tradisional.